

# Harga getah merosot: Pekebun sambut Hari Raya sederhana

IPOH, Sabtu — Tiga puluh tujuh ribu pekebun kecil getah di Perak menyambut Hari Raya Puasa tahun ini secara sederhana kerana harga getah merosot.

Setiausaha Gabungan Pekebun-pekebun Kecil Getah Perak, Zulkifly Mat Idris bagaimanapun menegaskan, pekebun kecil masih boleh bertahan menghadapi suasana Hari Raya kerana cuaca begitu baik.

Encik Zulkifly gembira terhadap perhatian berat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, untuk mengatasi masalah harga getah.

Beliau menyeru Kerajaan agar memberi keutamaan kepada pekebun untuk mengatasi masalah pemasaran

getah mereka.

Ini, katanya berikutan dengan wujudnya koperatif-koperatif pekebun kecil getah RISDA.

"Sudah tiba waktunya Kerajaan menimbang secara terperinci mengeluarkan lesen kepada koperatif bagi membolehkan mereka membeli dan menyimpan getah, sesuai dengan kehendak Kerajaan melihat kestabilan ekonomi kaum Bumiputera.

Encik Zulkifly menambah, Kerajaan perlu menyediakan kemudahan-kemudahan, di samping kursus-kursus, latihan dan lawatan sambil belajar, untuk menggalakan lebih ramai pekebun kecil di bidang perniagaan.